



24 Disember 2013  
24 December 2013  
P.U. (A) 370

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2013

### *EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL)(AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 105 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2013**.  
  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971 [P.U. (A) 99/1971] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” di mana-mana juga terdapat kecuali perenggan 2(1)(d), peraturan 4, 10, 11, 44D, 45, 46, 48, 48A, 56B, 56D, 66, 73, 74, 75, 76, 88, 90, 98, 106C dan 119 dengan perkataan “Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perenggan (1)(d).

**Pindaan peraturan 4**

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “pejabat Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 10**

5. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
  - (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Majikan bagi tiap-tiap perusahaan hendaklah memberi kepada Pertubuhan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh Akta terpakai bagi perusahaan itu, Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja yang diisi dengan sempurnanya berkenaan dengan perusahaan itu dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Majikan boleh membenarkan secara bertulis mana-mana orang untuk mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja bagi pihaknya.

(3B) Jika Pertubuhan berpuas hati bahawa majikan tidak dapat mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja atas apa-apa sebab, Pertubuhan boleh mengisi borang itu bagi pihak majikan.

(3C) Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja yang diisi oleh Pertubuhan menurut subperaturan (3B) hendaklah disifatkan telah diisi dan diberikan dengan sempurna oleh majikan.”.

## **Pindaan peraturan 11**

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Jika majikan telah dikeluarkan terhadapnya suatu kompaun menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2006 [P.U. (A) 59/2006], Pertubuhan bolehlah menguntukkan Kod Nombor Majikan kepada perusahaan berkenaan dengan majikan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh tamat pembayaran kompaun itu.

(1B) Jika Borang Pendaftaran Majikan tidak diisi dengan sempurnanya dan diberikan oleh majikan kepada Pertubuhan, Pertubuhan masih boleh menguntukkan Kod Nombor Majikan kepada perusahaan.

(1C) Penguntukan Kod Nombor Majikan di bawah subperaturan (1A) dan (1B) oleh Pertubuhan tidaklah mengecualikan majikan daripada mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah peraturan 10.”; dan

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”.

## **Penggantian peraturan 12**

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 12 dengan peraturan yang berikut:

**“Menghantar Borang 12.** Tiap-tiap majikan hendaklah mengisi Borang **Pendaftaran Pekerja** Pendaftaran Pekerja yang mengandungi suatu senarai pekerja

**Tambahan** baru dan hendaklah mengemukakan borang itu kepada Pertubuhan dalam tempoh satu bulan dari bulan pengambilan kerja pekerja itu.”.

**Pindaan peraturan 41**

8. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menomborkan semula perenggan sedia ada sebagai subperaturan (1);
  - (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Jika” dengan perkataan “Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), jika”; dan
  - (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:
- “(2) Pertubuhan hendaklah membayar balik caruman yang silap dibayar di bawah subperaturan (1), jika bayaran balik itu dituntut dalam tempoh tujuh tahun dari tarikh caruman itu silap dibayar.
- (3) Jika seseorang pekerja diambil kerja oleh lebih daripada seorang majikan dan jumlah caruman daripada majikan bagi pekerja itu telah melebihi gaji bulanan anggapan maksimum pekerja itu bagi mana-mana bulan tertentu, lebihan caruman itu hendaklah dibayar balik masing-masing kepada majikan dan pekerja secara pro-rata berdasarkan tiap-tiap bahagian caruman majikan dan pekerja itu.”.

**Pindaan peraturan 44D**

9. Peraturan 44D Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “mengemukakan” perkataan “kepada Pertubuhan”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “kepada pejabat yang berkenaan”.

### **Penggantian peraturan 45**

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 45 dengan peraturan yang berikut:

- “Tuntutan faedah**      45. (1) Tiap-tiap pihak menuntut hendaklah mengemukakan tuntutannya bagi suatu faedah yang kena dibayar di bawah Akta secara bertulis, mengikut Peraturan-Peraturan ini, kepada Pertubuhan dalam Borang 34 bagi maksud faedah itu yang tuntutan itu dibuat atau dengan apa-apa cara sebagaimana Pertubuhan boleh, tertakluk kepada tuntutan itu yang mestilah secara bertulis, menerima sebagai memadai dalam hal keadaan mana-mana kes atau kelas kes tertentu.
- (2) Pertubuhan hendaklah menyediakan bantuan bagi mengisi borang tuntutan jika orang berinsurans tidak boleh berbuat sedemikian sendiri.”.

### **Penggantian peraturan 46**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 46 dengan peraturan yang berikut:

- “Pemberitahu keilatan**      46. (1) Orang berinsurans yang berhasrat untuk menuntut pence n ilat atau bantuan ilat hendaklah memberikan notis keilatan kepada Pertubuhan dengan apa-apa cara yang ditentukan oleh Pertubuhan.
- (2) Orang berinsurans hendaklah, selepas

memberikan notis keilatan di bawah subperaturan (1), mengisi dan memberikan Borang 34 kepada Pertubuhan.

(3) Borang 34 yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah disertai dengan laporan perubatan daripada mana-mana Pengamal Perubatan Berdaftar yang menunjukkan dengan tepat tempat, jenis, takat dan diagnosis keadaan uzur yang menyebabkan keilatan itu.

(4) Laporan perubatan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah dalam suatu bentuk yang diluluskan oleh Pertubuhan.

(5) Seseorang yang telah mencapai umur enam puluh tahun boleh memberikan notis keilatan jika dia boleh membuktikan bahawa—

(a) dia menghidap keadaan uzur tertentu yang berkekalan;

(b) dia tidak berupaya untuk mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang mendatangkan keuntungan yang bermakna yang keadaan keuzuran tersebut telah terjadi sebelum dia mencapai umur enam puluh tahun; dan

(c) dia tidak lagi bekerja secara berkeuntungan sejak itu.

(6) Bagi maksud peraturan ini, “Pengamal Perubatan Berdaftar” ertiannya seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*].”.

**Pindaan peraturan 48**

12. Peraturan 48 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan “pencen (atau bantuan) ilat” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “pencen ilat atau bantuan ilat”;
  - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “keputusannya” perkataan “kepada Pertubuhan”;
  - (c) dengan memotong perkataan “kepada pejabat yang berkenaan itu”; dan
  - (d) dengan menggantikan perkataan “oleh pejabat yang berkenaan itu” dengan perkataan “oleh Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 48A**

13. Subperaturan 48A(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
  - (b) dengan menggantikan perkataan “genap umur lima puluh lima tahun” dengan perkataan “mencapai umur enam puluh tahun”.

**Pindaan peraturan 53**

14. Subperaturan 53(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang 10” dengan perkataan “Borang 34”.

**Pindaan peraturan 56A**

15. Peraturan 56A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berpencen ilat” dengan perkataan “orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “genap umurnya 55 tahun” dengan perkataan “mencapai umur enam puluh tahun”.

**Pindaan peraturan 56B**

16. Peraturan 56B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkaitan, melalui pos atau cara-cara lain dalam Borang 24” dengan perkataan “Pertubuhan dalam Borang 34”;
- (b) dalam perenggan (2)(a)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “orang berpencen ilat” dengan perkataan “orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “55” dengan perkataan “enam puluh”;
- (c) dalam perenggan (3)(d), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkaitan” dengan perkataan “Pertubuhan”;
- (d) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkaitan” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
- (e) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 56D**

17. Peraturan 56D Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh

Pertubuhan” dengan perkataan “Pertubuhan hendaklah, mengikut cara yang ditentukannya”.

**Pindaan peraturan 58**

18. Subperaturan 58(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Kad Pengenalan Pendaftaran Negaranya” dengan perkataan “dokumen pengenalannya”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Borang 21” dengan perkataan “Borang 34”.

**Pindaan peraturan 59**

19. Peraturan 59 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Perakuan perubatan hendaklah dalam Borang 13 dan diisi dengan sempurna oleh Doktor Insurans.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Jika menjadi tidak pratik bagi Doktor Insurans untuk mengisi perakuan perubatan dalam Borang 13 sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), Doktor Insurans boleh mengisi perakuan perubatan itu dalam apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(1B) Perakuan perubatan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi suatu kenyataan ringkas mengenai

hilang upaya yang, pada pendapat Doktor Insurans itu, menyebabkan seseorang itu tidak berupaya secara sementara untuk bekerja.

(1C) Kenyataan hilang upaya di bawah subperaturan (1B) hendaklah menyatakan jenis hilang upaya itu dengan seberapa tepat yang boleh mengikut pengetahuan Doktor Insurans tentang keadaan orang berinsurans itu pada masa pemeriksaan mengikut mana-mana undang-undang bertulis mengenainya.”.

### **Pindaan peraturan 66**

20. Subperaturan 66(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan dengan pos atau dengan cara lain, suatu tuntutan faedah dalam Borang 10” dengan perkataan “Pertubuhan, suatu tuntutan faedah dalam Borang 34”.

### **Pindaan peraturan 68**

21. Peraturan 68 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “dengan bertulis atau dengan cara lisan” perkataan “kepada majikan atau Pertubuhan dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan,”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “oleh majikan” perkataan “atau Pertubuhan”.

### **Pindaan peraturan 68A**

22. Peraturan 68A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “secara bertulis atau lisan” perkataan “kepada majikan atau Pertubuhan dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan;”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dalam borang sebagaimana yang disediakan oleh Pertubuhan” dengan perkataan “dalam Borang 34”.

### **Penggantian peraturan 71**

23. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 71 dengan peraturan yang berikut:

- “Notis kemalangan oleh majikan**
- 71. (1) Jika notis kemalangan dihantar kepada majikan di bawah peraturan 68, majikan hendaklah, sebaik selepas menerima notis itu, mengisi notis kemalangan oleh majikan dalam Borang 34 dan memberikan notis kemalangan oleh majikan itu kepada Pertubuhan dan satu salinan notis itu kepada Doktor Insurans.
  - (2) Jika tiada notis kemalangan oleh majikan dalam Borang 34 diberikan oleh majikan, Pertubuhan boleh, menurut budi bicaranya, menerima apa-apa keterangan lain yang berhubungan dengan kemalangan itu.
  - (3) Dalam hal orang berinsurans yang mendapat bencana diri selain bencana diri yang bersifat ringan yang disebabkan oleh kemalangan yang disebut di bawah seksyen 24 Akta, majikan hendaklah mengisi notis kemalangan oleh majikan dalam Borang 34 dan memberikan notis itu bersama-sama dengan laporan polis mengenai kemalangan itu dan apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Pertubuhan.
  - (4) Notis kemalangan oleh majikan dalam Borang 34

hendaklah diberikan—

- (a) dengan segera atau, jika tidak, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan mengikut hal keadaan, jika bencana itu mengakibatkan kematian atau jika bencana itu berat, bahawa, bencana itu mungkin menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal atau kehilangan anggota badan; atau
  - (b) dalam apa-apa hal lain, dalam masa empat puluh lapan jam selepas penerimaan notis kemalangan di bawah peraturan 68 atau pada masa kemalangan itu sampai kepada pengetahuan majikan atau mana-mana pegawai lain yang di bawah pengawasannya orang berinsurans itu bekerja pada masa kemalangan itu berlaku atau mana-mana orang lain yang dilantik bagi maksud itu oleh majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (5) Satu salinan notis kemalangan oleh majikan dalam Borang 34 hendaklah secara biasanya dihantar oleh majikan kepada Doktor Insurans melalui orang berinsurans pada masa pemeriksaan atau rawatan perubatan pertama orang berinsurans itu.

- (6) Jika, atas apa-apa sebab, menjadi tidak praktik bagi majikan untuk menghantar salinan notis kemalangan oleh majikan itu kepada Doktor Insurans melalui orang berinsurans sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (5),

majikan hendaklah, sebagai langkah interim, memberi suatu surat pengenalan dalam apa-apa borang yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(7) Doktor Insurans hendaklah menerima secara sementara surat pengenalan yang disebut dalam subperaturan (6), sebagai ganti salinan notis kemalangan oleh majikan.

(8) Majikan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, selepas memberikan surat pengenalan yang disebut dalam subperaturan (6) kepada Doktor Insurans, menghantar secara terus salinan notis kemalangan oleh majikan itu kepada Doktor Insurans.”.

### **Penggantian peraturan 71A**

24. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 71A dengan peraturan yang berikut:

**“Notis penyakit 71A.** (1) Jika notis penyakit khidmat dihantar kepada **khidmat oleh majikan** di bawah peraturan 68A, majikan hendaklah, sebaik selepas menerima notis itu, mengisi notis penyakit khidmat oleh majikan dalam Borang 34 dan memberikan notis penyakit khidmat oleh majikan itu kepada Pertubuhan dan satu salinan notis itu kepada Doktor Insurans.

(2) Jika tiada notis penyakit khidmat oleh majikan dalam Borang 34 diberikan oleh majikan, Pertubuhan boleh, menurut budi bicaranya, menerima apa-apa keterangan lain yang berhubungan dengan bencana kerja yang disebabkan oleh sesuatu penyakit khidmat.

(3) Notis penyakit khidmat oleh majikan di bawah subperaturan (1) hendaklah diberikan oleh majikan kepada Pertubuhan dalam masa empat puluh lapan jam selepas penerimaan notis penyakit khidmat di bawah peraturan 68A.

(4) Satu salinan notis penyakit khidmat oleh majikan dalam Borang 34 hendaklah secara biasanya dihantar oleh majikan kepada Doktor Insurans melalui orang berinsurans pada masa pemeriksaan atau rawatan perubatan pertama orang berinsurans itu.

(5) Jika, atas apa-apa sebab, menjadi tidak praktik bagi majikan untuk menghantar sesalinan notis penyakit khidmat oleh majikan itu melalui orang berinsurans sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (4), majikan hendaklah, sebagai langkah interim, memberikan suatu surat pengenalan dalam apa-apa borang sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(6) Doktor Insurans hendaklah menerima secara sementara surat pengenalan yang disebut dalam subperaturan (5), sebagai ganti salinan notis penyakit khidmat oleh majikan.

(7) Majikan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, selepas memberikan surat pengenalan yang disebut dalam subperaturan (5) kepada Doktor Insurans, menghantar secara terus salinan notis penyakit khidmat oleh majikan itu kepada Doktor Insurans.

(8) Jika majikan tidak diberikan notis penyakit khidmat di bawah peraturan 68A tetapi mengetahui bahawa orang berinsurans sedang menghidap suatu penyakit khidmat

yang dinyatakan dalam Jadual Kelima Akta, majikan itu hendaklah mengisi notis penyakit khidmat oleh majikan dalam Borang 34 seolah-olah majikan itu telah diberitahu sewajarnya di bawah peraturan 68A.”.

### **Pindaan peraturan 73**

25. Peraturan 73 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
  - (b) dengan menggantikan perkataan “pejabat tersebut” dengan perkataan “Pertubuhan”.

### **Pindaan peraturan 74**

26. Peraturan 74 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
  - (b) dalam perenggan (i), dengan menggantikan perkataan “pejabat itu” dengan perkataan “Pertubuhan”.

### **Penggantian peraturan 75**

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 75 dengan peraturan yang berikut:

**“Rujukan kepada 75.** (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), rujukan **Jemaah Doktor** kepada Jemaah Doktor bagi menentukan soal hilang upaya orang berinsurans boleh dibuat oleh—

- (a) orang yang hilang upaya itu, majikannya atau kesatuan sekerja yang diiktiraf;

(b) Pertubuhan; atau

(c) pegawai yang berkenaan.

(2) Rujukan bagi menentukan soal hilang upaya di bawah subperaturan (1) boleh dibuat—

(a) oleh orang yang hilang upaya itu, majikannya atau kesatuan sekerja yang diiktiraf, jika permintaan bagi rujukan itu dibuat oleh orang yang hilang upaya itu, majikannya atau kesatuan sekerja yang diiktiraf, kepada Jemaah Doktor;

(b) oleh Pertubuhan, jika tempoh hilang upaya yang dinyatakan dalam perakuan perubatan orang berinsurans itu melebihi seratus lapan puluh hari secara keseluruhannya; dan

(c) oleh pegawai yang berkenaan—

(i) pada bila-bila masa, tetapi tidak lebih daripada sekali dalam masa enam bulan berturut-turut; dan

(ii) jika pada pendapat Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa olehnya, hal keadaan sesuatu kes tertentu itu adalah wajar.”.

### **Penggantian peraturan 76**

28. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 76 dengan peraturan yang berikut:

**“Laporan Jemaah Doktor 76.** (1) Jemaah Doktor hendaklah, selepas memeriksa orang yang hilang upaya itu, memberi keputusannya kepada Pertubuhan dalam borang dan dengan apa-apa cara, sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(2) Pertubuhan hendaklah memaklumkan orang yang hilang upaya itu keputusan Jemaah Doktor dan faedah, jika ada, yang orang yang hilang upaya itu berhak, secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.”.

### **Penggantian peraturan 83**

29. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 83 dengan peraturan yang berikut:

**“Tuntutan untuk faedah hilang upaya kekal 83.** (1) Orang berinsurans berhak untuk menuntut faedah bantuan hilang upaya kekal jika dia diperakui hilang upaya secara kekal oleh—

(a) Jemaah Doktor;

(b) Jemaah Doktor Khas; atau

(c) Jemaah Doktor Rayuan,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pertubuhan boleh memproses tuntutan di bawah

subperaturan (1) berdasarkan maklumat yang didapati dalam Borang 34 yang telah diisi dan diberikan oleh orang berinsurans menurut peraturan 66.

(3) Jika orang berinsurans tidak berupaya untuk membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) disebabkan oleh kematian, koma atau gila, Pertubuhan boleh memutuskan bahawa tuntutan itu telah pun dibuat dengan sempurnanya.”.

### **Pindaan peraturan 88**

30. Peraturan 88 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan” di mana-mana juga terdapat; dan
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dengan pos atau dengan cara lain dalam Borang 24” dengan perkataan “dalam Borang 34”.

### **Pindaan peraturan 90**

31. Peraturan 90 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Pertubuhan” dengan perkataan “Pertubuhan hendaklah, mengikut cara yang ditentukannya”.

### **Pindaan peraturan 98**

32. Peraturan 98 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkaitan dengan pos atau dengan cara lain dalam Borang 26” dengan perkataan “Pertubuhan dalam Borang 34”; dan
- (b) dalam subperaturan (1A), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkaitan” dengan perkataan “Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 106C**

33. Peraturan 106C Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pejabat tersebut” dengan perkataan “Pertubuhan”.

**Pindaan peraturan 119**

34. Peraturan 119 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” yang terdapat selepas perkataan “elaun layanan-sentiasa,” dengan perkataan “Pertubuhan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “di pejabat yang berkenaan itu atau di mana-mana pejabat Pertubuhan yang lain” dengan perkataan “di mana-mana pejabat Pertubuhan”.

**Pindaan Jadual 1**

35. Jadual 1 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Borang 1, 1A dan 2 dengan Borang 1, 1A dan 2 yang berikut:

**BORANG 1**  
**BORANG PENDAFTARAN MAJIKAN**  
**PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971**  
(Peraturan 10)

**PERKESO**

**BORANG 1 - PENDAFTARAN MAJIKAN**

Nombor Pendaftaran (No. SSM / MyCoID, Badan Profesional, Pertubuhan, Persatuan, Koperasi), atau \_\_\_\_\_

Nombor Pengenalan Diri Majikan (yang tidak berdaftar dengan SSM dan agensi lain), atau Nombor PTJ Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri \_\_\_\_\_

**A. MAKLUMAT PERUSAHAAN**

A1. Nama Perusahaan \_\_\_\_\_

A2. Alamat surat-menyerat  
 \_\_\_\_\_  
 Poskod \_\_\_\_\_ Negeri \_\_\_\_\_  
 Peti Surat \_\_\_\_\_ No. Beg Berkunci \_\_\_\_\_ WDT \_\_\_\_\_ (Bagi Sabah/ Sarawak)

A3. Alamat Perusahaan (Tidak perlu diisi jika alamat adalah sama seperti di No. A2)  
 \_\_\_\_\_  
 Poskod \_\_\_\_\_ Negeri \_\_\_\_\_  
 Peti Surat \_\_\_\_\_ No. Beg Berkunci \_\_\_\_\_ WDT \_\_\_\_\_ (Bagi Sabah/ Sarawak)

A4. No. Telefon \_\_\_\_\_ A5. No. Tel. Bimbit \_\_\_\_\_

A6. No. Faks \_\_\_\_\_ A7. E-mel \_\_\_\_\_

A8. Jenis Perusahaan \_\_\_\_\_

A8.1. Entiti Perniagaan  
 Sendirian Berhad     Berhad     Ketuanpunyaan Tunggal     Perkongsian  
 Perkongsian Liabiliti Terhad     Berdaftar dengan SSM     Berdaftar dengan SSM  
 Berdaftar dengan agensi lain     Berdaftar dengan agensi lain  
 Tidak berdaftar     Tidak berdaftar

A8.2. Lain-lain \_\_\_\_\_  
(Kerajaan Persekutuan atau Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pewakilan/Kedutaan, Pertubuhan/Persatuan, Koperasi)

A9. Kaedah Bayaran Caruman     Portal PERKESO     Perbankan Internet     CD     Borang Caruman Bulanan (8A)

**B. PENGESAHAN MAJIKAN/ WAKIL MAJIKAN**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Tandatangan \_\_\_\_\_  
 Nama Majikan/ Nama Wakil Majikan: \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

No. KPPN: \_\_\_\_\_  
 Jawatan: \_\_\_\_\_

**KEGUNAAN PERKESO**

Kod Majikan	Kod Perusahaan	Tarikh Liabiliti
_____	_____	_____

Tandatangan tidak diperlukan sekiranya borang ini dihantar melalui medium elektronik tertakluk kepada pengesahan oleh PERKESO

 <b>PERKESO</b>	<p style="text-align: center;"><b>BORANG 1A</b>  <b>PEMBERHENTIAN SEBAGAI MAJIKAN</b>          PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971          (Peraturan 11A)</p> <p style="background-color: #0070C0; color: white; padding: 2px 0;"><b>BORANG 1A - PEMBERHENTIAN SEBAGAI MAJIKAN</b></p>		
<p>Nombor Pendaftran (No. SSM/ MyColD, Badan Professional, Pertubuhan, Persatuan, Koperasi); atau</p> <p>Nombor Pengenalan Diri Majikan (yang tidak berdaftar dengan SSM dan agensi lain); atau</p> <p>Nombor PTJ Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri</p>			
<input style="width: 100%; height: 1em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/> <div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 1.2em; background-color: #f0f0f0;"></div>			
<b>NOMBOR KOD MAJIKAN</b>			
<input style="width: 100%; height: 1.2em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/>			
<b>A. MAKLUMAT PERUSAHAAN</b>			
<p><b>A1.</b> Nama Perusahaan</p>	<input style="width: 100%; height: 1.2em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/>		
<p><b>A2.</b> Alamat surat-menyerat</p>	<input style="width: 100%; height: 1.2em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/>		
<p>Poskod</p>	<p>Negeri</p>		
<p>Peti Surat</p>	<p>No. Beg Berkunci</p>	<p>WDT</p>	<input style="width: 100%; height: 1.2em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/>
<i>(Bagi Sabah/ Sarawak)</i>			
<p><b>A3.</b> Alamat Perusahaan (<i>Tidak perlu diisi jika alamat adalah sama seperti di No. A2</i>)</p>			
<p>Poskod</p>	<p>Negeri</p>		
<p>Peti Surat</p>	<p>No. Beg Berkunci</p>	<p>WDT</p>	<input style="width: 100%; height: 1.2em; border: 1px solid black; margin-bottom: 5px;" type="text"/>
<i>(Bagi Sabah/ Sarawak)</i>			
<p><b>A4.</b> Perusahaan ini <i>*akan/ telah</i> (<i>*potong mana yang tidak berkenaan</i>) berhenti daripada menjadi majikan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Sila lengkapkan maklumat yang berkenaan:</p>			
<p><input type="checkbox"/> Tutup Sementara/ Tiada pekerja mulai dari ..... hingga .....</p>			
<p><input type="checkbox"/> Tamat perusahaan mulai dari.....</p>			
<b>B. PENGESAHAN MAJIKAN/ WAKIL MAJIKAN</b>			
<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.</p>			
<p>Tandatangan : _____</p>			
<p>Nama:</p>		<p>Tarikh:</p>	
<p>*(Pengarah Syarikat/ Setiausaha Syarikat/ Tuan Punya Tunggal/ Rakan Kongsi/ Pengerusi/ Wakil Yang Diberi Kuasa Secara Bertulis)</p>			
<p><i>*Potong mana yang tidak berkenaan</i></p>			
<p>No. KPPN:</p>			
<p>Jawatan:</p>			
<p>No. Telefon Pejabat/ No. Telefon Bimbit:</p>			
<p>No. Faks:</p>			
<p>E-mel:</p>			
<p><i>Tandatangan tidak diperlukan sekiranya borang ini dihantar melalui medium elektronik tertakluk kepada pengesahan oleh PERKESO</i></p>			



- (b) dengan memotong Borang 10;
- (c) dengan menggantikan Borang 13 dengan borang yang berikut:

 <b>BORANG 13</b> PERAKUAN PERUBATAN PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971 (Peraturan 59)			
<b>BORANG 13 - PERAKUAN PERUBATAN</b>			
<b>PERINGATAN:</b> i) Borang ini hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan pada masa pemeriksaan, jika tidak, borang ini hendaklah dihantar kepada pekerja berkenaan dalam masa 24 jam selepas pemeriksaan dibuat. ii) Tempoh hilang upaya sementara dalam satu perakuan doktor tidak boleh melebihi 14 hari iii) Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkaitan	<b>KOD KLINIK PANEL</b> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		
<b>A. BUTIR-BUTIR ORANG BERINSURANS</b>			
A1. Nama	<input type="text"/>		
A2. No. Kad Pengenalan baru	<input type="text"/>	A3. No. Kad Pengenalan lama	<input type="text"/>
A4. No. Pasport/ No.Polis/ No.Tentera/ No. Keselamatan Sosial (SSN)	<input type="text"/>		
A5. Nama Majikan	<input type="text"/>		
<b>B. BUTIR-BUTIR KEMALANGAN</b>			
B1. Tarikh kemalangan	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Hari Bulan Tahun	B2. Masa kemalangan	<input type="text"/> : <input type="text"/> a.m / p.m
B3. Tempat kemalangan	<input type="checkbox"/> Dalam premis majikan <input type="checkbox"/> Luar premis majikan		
B4. Bagaimana kemalangan berlaku? (sebagaimana dilaporkan oleh orang berinsurans)	<input type="text"/>		
<b>C. BUTIR-BUTIR KECEDERAAN</b>			
C1. Jenis kecederaan	<input type="text"/>	C3. Kod ICD	<input type="text"/> <input type="text"/> . <input type="text"/>
C2. Anggota badan yang cedera	<input type="text"/>		
C4. Diagnosis	<input type="text"/>		
C5. Sama ada kecederaan berkait dengan kemalangan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	C6. Justifikasi (jawapan bagi C5)	<input type="text"/>
C7. Adakah orang berinsurans pernah mengalami kecederaan yang sama sebelum ini	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	<input type="text"/>	
<b>D. BUTIR-BUTIR PEMERIKSAAN DAN RAWATAN</b>			
D1. Tarikh pemeriksaan	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Hari Bulan Tahun	D2. Masa pemeriksaan	<input type="text"/> : <input type="text"/> a.m / p.m
D3. <input type="checkbox"/> X-ray <input type="checkbox"/> Ujian makmal <input type="checkbox"/> Ujian makmal <input type="checkbox"/> Prosedur	D4. Rawatan susulan (sila nyatakan)	<input type="text"/>	
<b>E. BUTIR-BUTIR HILANG UPAYA SEMENTARA/ TIDAK LAYAK BEKERJA AKIBAT KEMALANGAN</b>			
E1. Tempoh tidak layak bekerja	<input type="text"/> Hari		
E2. Tarikh tidak layak bekerja	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun	hingga	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun
E3. Layak bekerja semula pada	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun		
E4. Rujukan ke hospital kerajaan untuk tindakan selanjutnya	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak		
E5. Nama hospital kerajaan	<input type="text"/>		
<b>PENGESAHAN DOKTOR INSURANS</b>			
Saya memperakui bahawa maklumat yang tersebut di atas adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.			
Tandatangan : _____	Tarikh <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Hari Bulan Tahun		
Nama Doktor Insurans CAP Klinik <i>Tandatangan dan cap tidak diperlukan sekiranya borang ini dihantar melalui medium elektronik tertakluk kepada pengesahan oleh PERKESO</i>			

(d) dengan memotong Borang 21, 24 dan 26; dan

(e) dengan memasukkan selepas Borang 33 borang yang berikut:

**BORANG 34**  
**BORANG BUTIRAN NOTIS DAN TUNTUTAN FAEDAH**  
 PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971  
 (Peraturan 46, 53, 56(B), 58, 66(1), 68A(2), 71, 71(A), 83,88 dan 98)

**BORANG 34 - BUTIRAN NOTIS DAN TUNTUTAN FAEDAH**

JENIS NOTIS (Tandakan (✓) pada Notis berkaitan)	<input type="checkbox"/> NOTIS KEMALANGAN	<input type="checkbox"/> NOTIS PENYAKIT KHIDMAT	<input type="checkbox"/> NOTIS KEILATAN	<input type="checkbox"/> NOTIS KEMATIAN
---	---	---	---	---

**A. BUTIR-BUTIR ORANG BERINSURANS**

A1. Nama \_\_\_\_\_

A2. No. Kad Pengenalan baru \_\_\_\_\_ A3. No. Kad Pengenalan lama \_\_\_\_\_

A4. No. Pasport/ No. Polis/ No. Tentera/ No. Keselamatan Sosial (SSN) \_\_\_\_\_

A5. Tarikh lahir \_\_\_\_\_  
Har \_\_\_\_\_ Bulan \_\_\_\_\_ Tahun \_\_\_\_\_

A6. Bangsa  Melayu  Cina  India  Bumiputera Sabah  Bumiputera Sarawak  Lain-lain\_\_\_\_\_

A7. Jantina  Lelaki  Perempuan

A8. Pekerjaan : \_\_\_\_\_

A9. Alamat surat menyurat  
 \_\_\_\_\_  
 Poskod \_\_\_\_\_ Negeri \_\_\_\_\_

A10. No. Tel. Rumah \_\_\_\_\_ A11. No. Tel. Bimbbit \_\_\_\_\_

A12. E-mel : \_\_\_\_\_

**B. BUTIR-BUTIR MAJIKAN**

B1. No. Kod Majikan \_\_\_\_\_

B2. Nama Perusahaan \_\_\_\_\_

B3. Alamat surat - menyurat  
 \_\_\_\_\_  
 Poskod \_\_\_\_\_ Negeri \_\_\_\_\_

B4. No. Telefon \_\_\_\_\_ B5. No. Faks \_\_\_\_\_

B6. E-Mel : \_\_\_\_\_

**C. BUTIR-BUTIR GAJI ORANG BERINSURANS**

C1. Tarikh mula pengambilan kerja \_\_\_\_\_  
Har \_\_\_\_\_ Bulan \_\_\_\_\_ Tahun \_\_\_\_\_

C2. Tarikh pemberhentian kerja (jika terpakai) \_\_\_\_\_

C3. Adakah gaji dibayar pada hari kemalangan?  Ya  Tidak

C4. Butir-butir gaji bagi tempoh 6 bulan berturut-turut sebelum bulan kemalangan/ kematian/ notis keilatan/ notis penyakit khidmat

Bill	Bulan	Tahun	Gaji (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			

**D. BUTIR-BUTIR NOTIS KEMALANGAN**

<b>D1.</b> Tarikh kemalangan	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun	<b>D2.</b> Masa kemalangan <input type="text"/> : <input type="text"/> a.m/ p.m
<b>D3.</b> Tempat kemalangan	<input type="checkbox"/> Dalam premis majikan <input type="checkbox"/> Luar premis majikan	
<b>D4.</b> Bila kemalangan berlaku?	<input type="checkbox"/> Semasa bekerja <input type="checkbox"/> Semasa menjalankan aktiviti berkaitan penggajian <input type="checkbox"/> Semasa perjalanan pada masa rehat yang dibenarkan	
<b>D5.</b> Tarikh kematian (jika terpakai)	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun	<input type="checkbox"/> Semasa kecemasan <input type="checkbox"/> Lain-lain Nyatakan: _____
<b>D6.</b> Bagaimana kemalangan berlaku?		
<b>D7.</b> Tujuan perjalanan pada hari kemalangan (bagi kemalangan jalan raya sahaja)		
<b>D8.</b> Perihal kecederaan		
<b>D9.</b> Adakah hari kemalangan hari orang berinsurans bekerja	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	<b>D10.</b> Waktu kerja bermula pada hari kemalangan <input type="text"/> : <input type="text"/> a.m/ p.m
		<b>D11.</b> Waktu rehat yang dibenarkan pada hari kemalangan <input type="text"/> : <input type="text"/> a.m/ p.m
		<b>D12.</b> Waktu kerja tamat pada hari kemalangan <input type="text"/> : <input type="text"/> a.m/ p.m
<b>D13.</b> Nama saksi (jika ada)		
<b>D14.</b> No. telefon saksi (jika ada)	<input type="text"/> - <input type="text"/>	
<b>D15.</b> Tarikh cuti sakit bermula	<input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun	
<b>D16.</b> Nama dan alamat klinik yang memberikan rawatan awal		

*Dokumen yang diperlukan:*  
 1) Perakuan Perubatan (Per. 57(1))  
 2) Laporan Polis—bagi kemalangan jalan raya (Per. 71(1))

**E. BUTIR-BUTIR NOTIS PENYAKIT KHIDMAT**

**E1.** Nama dan alamat majikan bagi tempoh 5 tahun terakhir pekerjaan

Bil.	Nama dan Alamat Majikan	Tempoh Bekerja	Pekerjaan

**E2.** Perihal penyakit khidmat

**E3.** Adakah penyakit berkaitan dengan pekerjaan?  Ya  Tidak **E5.** Tarikh kematian (jika terpakai)  Hari  Bulan  Tahun

**E4.** Sila nyatakan tugas dan bagaimana orang berinsurans terdedah kepada bahaya

**E6.** Sila jelaskan simptom/tanda yang dihadapi

**E7.** Jumlah hari cuti sakit (jika ada)

hari **E8.** Tempoh cuti sakit (jika ada)  Hari  Bulan  Tahun hingga  Hari  Bulan  Tahun

**E9.** Nama dan alamat klinik yang memberikan rawatan awal

<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

*Dokumen yang diperlukan:*  
 Laporan Perubatan (Per. 68A(1))

#### **F. BUTIR-BUTIR NOTIS KEILATAN**

#### **F1. Perihal keuzuran**

**F2.** Tahun mula menghidap keuzuran

--	--	--	--

F3. Adakah orang  Ya  Tidak berinsurans masih bekerja?

**F5. Maklumat pengambilan kerja :**

Bil.	Nama dan Alamat Majikan	Tempoh Bekerja	Pekerjaan	Gaji Bulanan (RM)

**Dokumen yang diperlukan: Laporan Perubatan (Per. 46(ii) )**

#### **G. BUTIR-BUTIR NOTIS KEMATIAN**

#### **G1. Tarikh kematian**

<input type="text"/>				
Hari	Bulan		Tahun	

#### G2. Sebab kematian

G3. Adakah kematian berkait dengan kemalangan?  Ya  Tidak  
*(Jika 'Ya', sila lengkapkan Seksyen D : Butir-butir Notis Kemalangan)*

**G4.** Status orang berinsurans (pada masa kematian)  Bujang  Berkahwin  Bercerai

#### H. PILIHAN PEJABAT PERKESO UNTUK BERURUSAN

Bandar  
Negeri

## I. PERAKUAN OLEH MAJIKAN/ WAKIL MAJIKAN

Saya memperakui bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya bahawa semua butiran yang dinyatakan adalah benar.

Tandatangan majikan/ wakil majikan yang diberi kuasa :

Nama:

Tarikh

1

10 of 10

1

**Tandatangan tidak diperlukan sekiranya borang ini dihantar melalui medium elektronik tertakluk kepada pengesahan oleh PERKESO.**

J. PENGESAHAN ORANG BERINSURANS/ ORANG TANGGUNGAN/ PIHAK YANG MENUNTUT													
Nama Pihak Menuntut													
Saya	<input type="text"/>												
Alamat surat-menyurat													
<input type="text"/>													
Poskod	Negeri												
No. Kad Pengenalan baru	<input type="text"/>				No. Kad Pengenalan lama	<input type="text"/>				No.Pasport/ No.Polis/ No.Tentera/ No.Keselamatan Sosial (SSN)	<input type="text"/>		
No. Tel. Rumah	<input type="text"/>				<input type="text"/>				No. Tel. Bimbit	<input type="text"/>			
E-Mel :	<input type="text"/>												
<b>SAYA DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA:</b> *Potong yang mana tidak berkenaan													
<p>1. * Saya, orang berinsurans dan akan memaklumkan PERKESO sekiranya saya hadir bekerja dan mendapat gaji untuk mana-mana hari dalam tempoh hilang upaya bagi tuntutan Faedah Hilang Upaya Sementara dan menuntut apa-apa jua faedah yang layak.</p> <p>2.* Saya telah menanggung perbelanjaan berjumlah RM <input type="text"/> untuk pengurusan mayat orang berinsurans yang meninggal dunia dan ingin menuntut pembayaran amaun Faedah Pengurusan Mayat.</p>													
<p><b>Dokumen yang diperlukan:</b>  <i>Resit perbelanjaan pengurusan mayat - bagi pihak yang menuntut selain bahu/duda atau ibu/bapa (Per. 98 (1))</i></p> <p>3.* Saya adalah *anak lelaki/ *anak perempuan (*potong yang mana tidak berkenaan), yang tertua sekali yang masih hidup kepada orang berinsurans yang meninggal dunia dan ingin menuntut Faedah Pengurusan Mayat.</p> <p>4.* Saya adalah *orang tanggungan/ *penjaga orang tanggungan (*potong yang mana tidak berkenaan), kepada orang berinsurans yang telah meninggal dunia ingin menuntut apa-apa jua faedah yang layak untuk *saya dan/ atau *orang tanggungan (*potong yang mana tidak berkenaan), di bawah jagaan saya.</p> <p>5.* Jumlah orang tanggungan <input type="text"/> MAKLUMAT ORANG TANGGUNGAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:</p>													
Bil	Nama Orang Tanggungan	No. Kad Pengenalan/ Sijil Lahir	Tarikh Lahir	Hubungan dengan Orang Berinsurans	Status (Bagi anak :belajar/ cacat/ berkahwin) (Bagi adik : berkahwin)								
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>								
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>								
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>								
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>								
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>								
Gunakan helaian tambahan jika tidak mencukupi													
<p><b>Dokumen yang diperlukan:</b> (Per. 56B &amp; Per. 88(1))          1)Sijil Kematian    2)Pengenalan diri/ Sijil kelahiran    3)Sijil Nikah/ Daftar Perkahwinan</p>													
<p>6. Maklumat Bank adalah seperti yang berikut:</p> <p>Nama Bank: <input type="text"/> No. Akaun <input type="text"/></p> <p>7. Saya mengaku maklumat dan butir-butir yang diberikan adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.</p>													
Tandatangan/ cap ibu jari kanan pihak menuntut <i>Tandatangan atau cap jari tidak diperlukan sekiranya borang ini dihantar melalui medium elektronik tertakluk kepada pengesahan oleh PERKESO</i>					Tarikh <input type="text"/> Hari <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun <input type="text"/>								
UNTUK KEGUNAAN PERKESO													
<p>TARIKH NOTIS : <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Hari      Bulan      Tahun</p> <p>Tandatangan penerima: _____ Nama: Jawatan:</p> <p style="text-align: right;">CAP TARIKH TERIMA</p>													

Dibuat 18 Disember 2013  
[KSM/PUU/T/01/01/03 Jld.(2); PN(PU2)58/XIX]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JEM  
*Menteri Sumber Manusia*

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY ACT 1969

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 105 of the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees' Social Security (General)(Amendment) Regulations 2013**.
  
- (2) These Regulations come into operation on 1 January 2014.

**General amendment**

2. The Employees' Social Security (General) Regulations, 1971 [P.U. (A) 99/1971] which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended by substituting for the words "appropriate office" wherever appearing except paragraph 2(1)(d), regulations 4, 10, 11, 44D, 45, 46, 48, 48A, 56B, 56D, 66, 73, 74, 75, 76, 88, 90, 98, 106C and 119 the word "Organisation".

**Amendment of regulation 2**

3. Regulation 2 of the principal Regulations is amended by deleting paragraph (1)(d).

**Amendment of regulation 4**

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended by substituting for the words "appropriate office" the words "office of the Organisation".

**Amendment of regulation 10**

5. Regulation 10 of the principal Regulations is amended—
  - (a) in subregulation (1), by substituting for the words "appropriate office" the word "Organisation";

(b) by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) The employer of every industry shall furnish to the Organisation not later than thirty days from the date the Act becomes applicable to the industry, the Employer’s Registration Form and the Employees’ Registration Form duly completed in respect of such industry by any means as determined by the Organisation.”; and

(c) by inserting after subregulation (3) the following subregulations:

“(3A) The employer may authorize in writing any person to complete and furnish the Employer’s Registration Form and Employees’ Registration Form on his behalf.

(3B) If the Organisation is satisfied that the employer is unable to complete and furnish the Employer’s Registration Form and Employees’ Registration Form due to any reason, the Organisation may complete the forms on behalf of the employer.

(3C) The Employer’s Registration Form and Employees’ Registration Form completed by the Organisation pursuant to subregulation (3B) shall be deemed to be duly completed and furnished by the employer.”.

### **Amendment of regulation 11**

6. Regulation 11 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “appropriate office” the word “Organisation”;

(b) by inserting after subregulation (1) the following subregulations:

“(1A) If an employer has been issued against him a compound pursuant to the Employees’ Social Security (Compounding of Offences) Regulations 2006 [P.U. (A) 59/2006], the Organisation may allot the Employer’s Code Number to the industry in respect of the employer within thirty days from the expiry date of the payment of the compound.

(1B) If an Employer’s Registration Form has not been duly completed and furnished by the employer to the Organisation, the Organisation may still allot an Employer’s Code Number to an industry.

(1C) The allotment of the Employer’s Code Number under subregulations (1A) and (1B) by the Organisation shall not exempt the employer from completing and furnishing Employer’s Registration Form and Employees’ Registration Form as required under regulation 10.”; and

(c) in subregulation (2), by substituting for the words “appropriate office” the word “Organisation”.

### **Substitution of regulation 12**

7. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 12 the following regulation:

